# PELAN STRATEGIK

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

# 2021-2025

# PELAN STRATEGIK

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

# 2021-2025

KDN

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

# SENARAI KANDUNGAN

M/S 4-7
PRAKATA
KETUA SETIAUSAHA KDN
KETUA PENGARAH JPPM

M/S 9-12
RINGKASAN EKSEKUTIF

M/S 13-26
MAKLUMAT KORPORAT

M/S 27-108
HALA TUJU STRATEGIK JPPM 2021-2025

M/S 109-116
RANTAIAN KE HADAPAN

M/S 117
PENUTUP

# Perutusan

## KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Pelan Strategik JPPM 2021-2025 ini merupakan satu rangka kerja yang bersepadu, strategik, berfokus dan berimpak tinggi dimana ianya telah disepakatkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bagi melengkapkan hala tuju jabatan yang sentiasa mendahului bagi mencapai visinya sebagai **'Peneraju Pembangunan Masyarakat Sivil'.**

Justeru, setiap strategi yang dirangka haruslah memastikan setiap pelaksanaan yang dilakukan tepat pada masanya. Sebagai sebuah jabatan yang menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335], adalah menjadi tugas utama JPPM dalam memastikan setiap pertubuhan bergerak sejajar dengan Akta Pertubuhan dan perlembagaan pertubuhan itu sendiri.

Pelan Strategik ini dirangka berpaksikan empat (4) teras utama ini adalah bertujuan untuk menggembeleng penglibatan setiap warga JPPM agar dapat melaksanakan fungsi dan peranan masing-masing dengan berkesan untuk merealisasikan segala inisiatif yang digariskan dengan jaya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas penglibatan warga JPPM dalam merangka dan membangunkan dokumen Pelan Strategik JPPM 2021-2025 yang bakal menjadi panduan kepada jabatan. Semoga segala keringat dalam penyediaan Pelan Strategik ini akan menjadikan JPPM sebagai sebuah agensi peneraju yang benar-benar dinamik dan komprehensif dalam memperkasakan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] serta ke arah penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi keperluan semasa.

"Antara pendekatan yang mesti dilaksanakan untuk pelan ini adalah pendekatan secara ***the whole-of-government*** yang melibatkan semua kementerian dan agensi kerajaan dan pendekatan ***the whole-of-society*** yang menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pelaksanaan inisiatif oleh Kerajaan. Satu kerangka perancangan berasaskan keberhasilan strategik dibangunkan bagi memastikan segala perancangan yang dibuat dapat dijajakan dengan mendokong dasar **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.**"




**YBHG. DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ**
**KETUA SETIAUSAHA**
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

# KETUA PENGARAH
## JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Selaras dengan Dasar Kerajaan melalui **"Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB)"** dan kepesatan pembangunan teknologi maklumat, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah mengambil inisiatif dengan merangka **Pelan Strategik JPPM 2021-2025** sebagai usaha bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan dan bersedia menyahut cabaran untuk menjadikan JPPM sebagai sebuah organisasi yang sentiasa relevan dengan perubahan semasa serta mampu memenuhi harapan pelanggan.

**Empat (4) Teras Utama Pelan Strategik JPPM 2021-2025** yang telah digariskan iaitu ; Memperkukuhkan Penguatkuasaan dan Kawalan, Memperkasakan Pertubuhan dan Komuniti, Memantapkan Modal Insan dan Infrastruktur serta Memperkukuhkan Teknologi Maklumat sebagai teras dan hala tuju jabatan untuk lima (5) tahun akan datang. Kesemua teras ini mempunyai kekuatan dan objektif yang tersendiri khususnya dalam memastikan Pelan Strategik JPPM dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

Pelan perancangan strategik sangat penting kerana ia merupakan ***'blue print'*** yang menjadi asas rujukan bagi menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat jabatan untuk tempoh masa yang ditetapkan. Sesuai dengan visi jabatan iaitu sebagai **"Peneraju Pembangunan Masyarakat Sivil",** JPPM berperanan sebagai tonggak utama kepada pertubuhan berdaftar yang berwibawa selaku sektor ketiga yang menjadi pemangkin kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Manakala misi JPPM iaitu **"Memperkasakan Pertubuhan ke Arah Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat"** adalah bertujuan untuk memastikan pertubuhan bergerak dalam keadaan selamat, aman dan makmur. Pelan Strategik JPPM 2021-2025 amat penting bagi meneruskan kecemerlangan organisasi yang sentiasa mengutamakan amalan budaya kerja berprestasi tinggi. Pelan Strategik ini akan dijadikan pedoman yang dapat memacu warga JPPM ke arah pembentukan nilai kerja yang lebih berkualiti tinggi.

Saya menaruh harapan yang itu agar Pelan Strategik JPPM 2021-2025 ini menjadi pemangkin kepada kesinambungan pelaksanaan dalam melonjakkan peranan pertubuhan berdaftar kearah masyarakat sivil yang dinamik dan responsif. Juga diharapkan, ianya akan membawa kepada keseimbangan dalam ekonomi dan sosial masyarakat secara keseluruhannya. Selamat maju jaya JPPM!

"

Sesuai dengan visi Jabatan sebagai **"Peneraju Pembangunan Masyarakat Sivil"**, JPPM berperanan sebagai tonggak utama kepada pertubuhan berdaftar yang berwibawa selaku sektor ketiga yang menjadi ejen pemangkin kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Manakala misi JPPM iaitu **"Memperkasakan Pertubuhan ke Arah Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat"** adalah bertujuan untuk memastikan pengurusan pertubuhan bergerak aktif dan mematuhi perlembagaan dan undang-undang bagi memastikan masyarakat dalam keadaan selamat, aman dan makmur.

"




**YBRS. PUAN MASYATI BINTI ABANG IBRAHIM**
**KETUA PENGARAH**
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**


OF
Jelajah
HIPER'19
ZONE BORNEO
MYDIN, PETRA JAYA


Jelajah
HIPER'19




GERAN KOMUNITI (G-KOM) 2019
MEWUJUDKAN KOMUNITI YANG SELAMAT DAN SEJAHTERA
PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI TAMAN INTAN BAIDURI
KUALA LUMPUR
Yassin
PPM)


GERBANG PERDANA





# RINGKASAN EKSEKUTIF

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (PSJPPM) 2021-2025 merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik JPPM sebelumnya yang digubal untuk tempoh 2015-2020. Menyedari kepentingan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien maka PSJPPM ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan perancangan yang lebih komprehensif yang membawa hala tuju JPPM selari dengan kemajuan dan keperluan untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

Bagi memastikan JPPM kekal relevan dalam mendepani cabaran di masa hadapan maka strategi dan pendekatan sentiasa dipertingkatkan bagi menambahbaik kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan stakeholders. Di bawah PSJPPM 2021-2025, JPPM telah menggariskan Empat (4) Teras Utama iaitu **Memperkukuhkan Penguatkuasaan dan Kawalan, Memperkasakan Pertubuhan dan Komuniti, Memantapkan Modal Insan dan Infrastruktur serta Memperkukuhkan Teknologi Maklumat**. Berdasarkan aspirasi Teras Strategik tersebut, PSJPPM 2021-2025 menyasarkan untuk menjadikan JPPM sebagai sebuah pendaftar pertubuhan yang unggul dan berupaya menyediakan perkhidmatan yang berkesan, berimpak tinggi dan berintegriti dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan serta lebih bersedia dalam memenuhi tuntutan semasa dan peningkatan ekspektasi di masa hadapan.


WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA
Sustainable Development Goals 2030
Rancangan Malaysia Ke-12
Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam
VISI
Peneraju Pembangunan Masyarakat Sivil
MISI
Memperkasakan Pertubuhan ke Arah Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat
KEBERHASILAN STRATEGIK
Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Terjamin
Penyampaian Perkhidmatan Yang Cemerlang dan Berintegriti
TERAS STRATEGIK
MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN
MEMPERKASAKAN PERTUBUHAN DAN KOMUNITI
MEMANTAPKAN MODAL INSAN DAN INFRASTRUKTUR
TEKNOLOGI MAKLUMAT
STRATEGI UTAMA
GAME CHANGERS
Perubahan Teknologi
Pendidikan
Nilai Bersama
Proses Kerja
Pengurusan Perubahan
Data Bersepadu
Demografi
KERANGKA PELAN STRATEGIK JPPM 2021-2025




Let's Get Fit
Dirasmikan
UTAMAKAN KESIHATAN ANDA









# MAKLUMAT
# KORPORAT

# SEJARAH PENUBUHAN JPPM

## TAHUN 1899-1965

Pada zaman pemerintahan penjajahan British, pihak penjajah British telah menggalakkan secara aktif kedatangan orang-orang keturunan Cina ke Malaya bagi menjalankan aktiviti-aktiviti perlombongan biji timah dan perdagangan.

**Pelbagai Kaum Seperti**

I Hakka yang berasal dari pendalaman Kwangtung,
II Kantonis berasal dari Canton,
III Hokkien berasal dari Daerah Amoy di Selata Fukien
IV Suku-suku lain yang mempunyai perbezaan dailek, kebudayaan dan fungsi ekonominya.

**Membentuk perkumpulan yang dikenali sebagai**

I.“Huay Kuan” IAITU dihadkan kepada mereka yang datang dari wilayah yang sama dan persamaan dailek di negeri China.
II.”Kongsi” IAITU dibuka kepada mereka yang mempunyai nama keluarga yang sama.

Adalah untuk bertindak sebagai badan kerjasama untuk faedah bersama dan menyemaikan perasaan kekitaan serta memberi perlindungan di kalangan ahli-ahlinya.

Kongsi-kongsi gelap yang menjalankan aktiviti-aktiviti anti-sosial dengan cara menggunakan keganasan yang mengancam struktur pentadbiran penjajahan British.

Bagi menangani dan mengawal keadaan berkaitan “Triad Societies” menubuhkan jawatan

- **“Secretary For Chinese Affairs” (SCA)**
- **Societies Enactment 1899 di Negeri-Negeri Bersekutu**

Meminda Enakmen 1899 pada tahun 1913

Enakmen Pertubuhan yang dipinda pada tahun 1949 dikuatkuasakan pada 1 September 1949 dengan mewajibkan pendaftaran ke atas semua pertubuhan yang ada pada masa itu.

Enakmen ini terus digunapakai hinggalah selepas Malaya mencapai kemerdekaan pada 1957.

## TAHUN 1900-1999

Enakmen 1899 telah digubal semula oleh Parlimen dalam tahun 1965/66 dan dikuatkuasakan pada 1 Februari 1966 dikenali sebagai Akta Pertubuhan 1966 percantuman tiga ordinan iaitu

01 Ordinan 1949 untuk Persekutuan Tanah Melayu

02 Ordinan Pertubuhan 1957 bagi negeri Sarawak

03 Ordinan Pertubuhan 1961 bagi negeri Sabah

**Akibat daripada Akta tahun 1966 itu, Pejabat Pendaftaran Pertubuhan telah diwujudkan pada tahun 1966 untuk menguatkuasakan Akta, selepas ianya dipisahkan daripada Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja.**

## TAHUN 1977

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia diletakan di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (Kini dikenali sebagai Kementerian Dalam Negeri)

## TAHUN 1984

**PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN**

- Menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 67, Akta Pertubuhan 1966 dibuat oleh Menteri bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]
- Menjurus kepada pengurusan pendaftaran dan pengawasan semua perkhidmatan berdaftar di seluruh negara

## TAHUN 1993

**PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN (PERMOHONAN BAGI PERITAH PERLETAKHAKAN)**

- Berfungsi kepada pertubuhan yang dibatalkan/lama kepada pertubuhan baru bagi harta-harta milik pertubuhan
- Fungsi peraturan dijalankan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia

## 1984 - 1994

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia,
Jln Tun Razak, Sentul Selatan, 50400 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur







## 1995 – 2009

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Blok D2 Putrajaya

## 2017-KINI

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia,
Aras 8 dan 9, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62546 Putrajaya

## 2009-2017

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia,
Aras 2 Dan 3, Blok B,
Bangunan Chancery Place,
Jalan Diplomatik 2,
Presint Diplomatik 62546 Putrajaya

# PENGURUSAN TERTINGGI

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA



# PENGARAH-PENGARAH NEGERI

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA



# CARTA ORGANISASI



# FUNGSI JABATAN

01 Mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan 1984 dan dasar-dasar mengenai pertubuhan;

02 Mengawal selia pengurusan pertubuhan, program dan aktiviti supaya tidak bertentangan dengan perlembagaan pertubuhan, dasar negara, keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam atau akhlak;

03 Memberi khidmat nasihat dan bimbingan dalam aspek pengurusan pertubuhan serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pertubuhan (induk dan cawangan) berdaftar

04 Membendung dan mengawal perkembangan ideologi atau fahaman yang tidak selaras dengan hasrat/dasar kerajaan;

05 Mengawal, memantau kewujudan dan pergerakan pertubuhan yang boleh menggugat keselamatan, ketenteraman awam dan akhlak dan nilai-nilai moral Negara;

06 Membentuk pertubuhan supaya menjadi agen kepada pembangunan sosio-ekonomi dan politik Negara selaras dengan kedudukan Pertubuhan Bukan Kerajaan sebagai sektor ketiga selepas swasta dan sektor awam; dan

07 Membolehkan Jabatan bertindak secara profesional dan cekap dalam membimbing dan memberi khidmat nasihat kepada pertubuhan dalam aspek pengurusan pertubuhan mengikut kaedah pengurusan semasa serta memastikan semua pertubuhan mematuhi dasar-dasar kerajaan dan undang-undang Negara.

# VISI, MISI & OBJEKTIF

**VISI**

PENERAJU PEMBANGUNAN MASYARAKAT SIVIL

**MISI**

MEMPERKASAKAN PERTUBUHAN KE ARAH PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

**OBJEKTIF**

MEMASTIKAN PERTUBUHAN BERDAFTAR BERGERAK SEJAJAR DENGAN AKTA PERTUBUHAN 1966, UNDANG-UNDANG TUBUH PERTUBUHAN DAN DASAR-DASAR NEGARA

# NILAI NILAI TERAS

## NILAI-NILAI TERAS

### SINERGI BERPASUKAN
Bekerja sebagai satu pasukan melalui semangat kebersamaan

### INTEGRITI
Memiliki nilai integriti tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan tanpa melibatkan kepentingan peribadi.

### INOVASI DAN KREATIVITI
Pendekatan yang menyeluruh dalam merancang, membuat keputusan dan melaksanakan tugas bagi memenuhi kehendak stakeholder.

### BERORIENTASIKAN PELANGGAN
Memberi perkhidmatan yang berkualiti meliputi mesra, cepat, tepat dan berinformasi bagi memenuhi ekspektasi pelanggan.

### HOLISTIK
Pendekatan yang menyeluruh dalam merancang, membuat keputusan dan melaksanakan tugas bagi memenuhi kehendak stakeholder.

### PROFESIONALISME
Sentiasa menjalankan tugas dengan kompeten dan beretika profesional, berpaksikan prinsip, teratur dan efisien.

### *STRATEGIC AND FORWARD THINKING*
Keupayaan untuk menambah nilai jangka panjang berdasarkan keupayaan analitikal untuk menghasilkan idea dan pemikiran dalam mengatur strategi berfokus kepada perancangan masa hadapan.

### BERHEMAH DAN BERWIBAWA
Sentiasa jujur, mematuhi peraturan, amanah, berakauntabiliti, tenang dan sabar serta boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan.

### AKAUNTABILITI
Mempunyai sikap yang baik dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan.

### RESPONSIF
Sentiasa peka dan cepat bertindak dalam memberikan maklum balas terhadap permohonan dan kehendak pelanggan.

### PEMBELAJARAN BERTERUSAN
Proses peningkatan kemahiran, pengetahuan dan kompetensi yang berterusan.

# PUNCA KUASA »»




## Perlembagaan Persekutuan



## Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]



## Peraturan-Peraturan Pertubuhan



## Arahan Pendaftar

# PIHAK BERKEPENTINGAN (*STAKEHOLDERS*)

**Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) merupakan sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN)**

## STAKEHOLDERS

Jemaah Menteri → Ketua Setiausaha Negara → Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri

## PELANGGAN

- Warga JPPM seluruh Malaysia
- Jabatan/Agensi/Badan Berkanun Negeri
- Agensi-Agensi Penguatkuasaan
- Pihak Swasta
- Kementerian/Jabatan/Agensi/Badan Berkanun Persekutuan
- Pertubuhan Berdaftar
- Ahli-Ahli Pertubuhan
- Rakyat Malaysia

## KEPENTINGAN PSJPPM 2021-2025

Dalam memastikan PSJPPM 2021-2025 ini bersifat komprehensif, kekal relevan, dan dapat dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun akan datang maka penyediaannya adalah berdasarkan pendekatan ***SMART (Specific, Measurable, Achievable, Realistic, Timely).*** Konsep ***PDCA (Plan, Do, Check, Assessment)*** turut diterapkan bagi memantau pelaksanaan PSJPPM 2021-2025. Dalam memastikan kejayaan dalam pelaksanaannya maka penyediaan PSJPPM 2021-2025 memberi fokus kepada komponen berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 01 | Modal insan | **Peningkatan Kompetensi, Integriti, Rasionalisasi Struktur Organisasi** |
| 02 | Mengoptimumkan sumber | **Sumber Kewangan, Sumber Manusia, Perjawatan** |
| 03 | Pendigitalan penyampaian perkhidmatan | **Meningkatkan kualiti penyampaian selaras dengan Pelan Strategik ICT JPPM** |
| 04 | Kos efektif | **Strategi dan program yang dilaksanakan memberikan impak yang berkesan.** |
| 05 | Pendekatan baharu bagi mendepani cabaran | **Sentiasa relevan dan boleh mengadaptasi sebarang perubahan serta kehendak dan keperluan masa hadapan** |
| 06 | Kolaborasi/ hubungan strategik | **Kerjasama dengan agensi/ jabatan lain dalam memantapkan tadbir urus dan pelaksaan bidang teras jabatan** |
| 07 | Perekayasaan proses/ prosedur kerja | **Mewujudkan pendekatan baharu dalam pelaksanaan kerja** |

## SENARIO DAN CABARAN PERSEKITARAN SEMASA

Senario dan cabaran persekitaran semasa adalah suatu pendekatan yang signifikan dalam penyediaan PSJPPM 2021-2025 untuk mengenal pasti isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan kejayaan pelaksanaan PSJPPM 2021-2025. JPPM beroperasi dalam persekitaran global yang cepat berubah, tidak menentu dan kompleks terutamanya dengan kewujudan *Megatrends* yang merupakan satu senario perubahan dunia yang boleh mengubah kehidupan masa hadapan manusia. Ia meliputi perubahan teknologi, demografi, sosial, perbandaran, ekonomi dan persekitaran.

JPPM sebagai sebuah jabatan yang menguruskan pertubuhan juga tidak terkecuali daripada menerima impak kewujudan megatrends yang mengubah kehidupan masyarakat Malaysia pada masa hadapan dan seterusnya mempengaruhi kompleksiti pengoperasian jabatan melalui elemen utama *megatrends* yang telah dikenal pasti iaitu:

**PEMBANDARAN**

Pembandaran yang pesat menyebabkan berlaku pergerakan masyarakat ke kawasan bandar dan ini akan meningkatkan kewujudan pertubuhan seperti persatuan penduduk;

**PERUBAHAN DEMOGRAFI**

Perubahan demografi penduduk meliputi kepadatan populasi penduduk/masyarakat serta peningkatan tahap pendidikan akan memberi kesan kepada perubahan sosial masyarakat yang secara langsung akan mempengaruhi permohonan mewujudkan pertubuhan di bawah kategori kebajikan, hak asasi dan keselamatan;

**PERUBAHAN TEKNOLOGI**

Perubahan teknologi akan memberikan kesan kepada budaya kerja dan penyampaian perkhidmatan dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada pelanggan;dan

**EKOSISTEM**

Perubahan ekosistem persekitaran akan meningkat kesedaran masyarakat untuk berpersatuan dan ini boleh meningkatkan pendaftaran pertubuhan di bawah kategori alam sekitar. Selaras dengan cabaran megatrends tersebut, JPPM perlu bersedia mendepani isu dan cabaran yang memberi kesan langsung kepada pengoperasian jabatan meliputi komponen perundangan, sumber, kolaborasi/hubungan strategik, teknologi maklumat dan pelanggan.

# RUMUSAN PELAN STRATEGIK JPPM

| 4 | 23 | 45 | 45 |
| --- | --- | --- | --- |
| TERAS | STRATEGI | PROGRAM | KPI |

| TERAS 1 | TERAS 2 | TERAS 3 | TERAS 4 |
| --- | --- | --- | --- |
| MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN | MEMPERKASAKAN PERTUBUHAN DAN KOMUNITI | MEMANTAPKAN MODAL INSAN DAN INFRASTRUKTUR | MEMPERKUKUHKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
| 8 STRATEGI | 2 STRATEGI | 10 STRATEGI | 3 STRATEGI |
| 11 PROGRAM | 12 PROGRAM | 16 PROGRAM | 6 PROGRAM |
| 11 KPI | 12 KPI | 16 KPI | 6 KPI |

# TERAS 1

## Memperkukuhkan Penguatkuasaan Dan Kawalan








# TERAS 1

## MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN

**7 STRATEGI**

**11 PROGRAM**

- Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].
- Penguatkuasaan kepada Akta Pertubuhan adalah merupakan fokus utama Jabatan.
- Pematuhan kepada Akta Pertubuhan memberi penekanan kepada tujuh (7) strategi iaitu :

MEMANTAPKAN DASAR DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PERTUBUHAN

MENGUATKUASAKAN AKTA SECARA MENYELURUH TERHADAP PERTUBUHAN BERDAFTAR

MEMANTAPKAN PROSES SEMAKAN PERSATUAN BERISIKO

MEMANTAPKAN PENGURUSAN DAN KAWALAN PERTUBUHAN BERDAFTAR

MEMPERKASA PENGURUSAN SIASATAN

MEMANTAPKAN KOLABORASI DENGAN AGENSI DALAM NEGARA

MEMPERKASA HUBUNGAN DENGAN AGENSI PENGUATKUASAAN

# STRATEGI 1

## MEMANTAPKAN DASAR DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PERTUBUHAN

Pengukuhan dasar dan undang-undang merupakan matlamat utama jabatan dalam menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 secara menyeluruh serta merangkumi fungsi dan tugas JPPM.

**TERAS STRATEGIK**

MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN

**STRATEGI**

MEMANTAPKAN DASAR DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PERTUBUHAN

## PROGRAM 1.1

## PINDAAN KE ATAS AKTA PERTUBUHAN 1966

Pelaksanaan pindaan ke atas Akta Pertubuhan 1966 secara komprehensif dengan mengambil kira keperluan semasa.

**KPI 2021-2023**

| | |
|---|---|
| 2021 | 100% draf pindaan Akta |
| 2022 | 100% Penyediaan Kertas Makluman Kabinet |
| 2023 | Pembentangan draf pindaan di Parlimen |

## OUTPUT

Satu Akta yang menyeluruh telah dipinda

## OUTCOME

Pelaksanaan kepada Akta yang lebih komprehensif

## IMPAK

Aktiviti jenayah dapat dibanteras termasuk penggubalan wang haram serta meningkatkan hasil kepada negara

## AKTIVITI

**Mengadakan persidangan / perbincangan / "*townhall*" jabatan bersama pertubuhan bagi mendapatkan maklum balas berkenaan penambahbaikan pindaan akta.**

## PROGRAM 1.2

## USAHA PENCEGAHAN JENAYAH BERSAMA KOMUNITI MELALUI PENGUATKUASAAN

Pelaksanaan pindaan ke atas Akta Pertubuhan secara komprehensif dengan mengambil kira keperluan semasa.

**KPI**

**2021-2023**

**80% penglibatan NGO dalam kategori pencegahan jenayah**

**OUTPUT**

Indeks jenayah berkurangan

**OUTCOME**

Kesedaran tentang peranan NGO dalam pencegahan jenayah

**IMPAK**

Kerjasama erat di antara masyarakat dan NGO

## AKTIVITI

**Memperkukuhkan kerjasama penguatkuasaan dan peranan NGO(Persatuan Penduduk, Kepolisan Komuniti), Program #ros_care.**

# STRATEGI 2

## MENGUATKUASAKAN AKTA SECARA MENYELURUH TERHADAP PERTUBUHAN BERDAFTAR

Kepatuhan kepada akta akan meningkat dan seterusnya meningkatkan imej Jabatan.

**TERAS STRATEGIK**

MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN

**STRATEGI**

MENGUATKUASAKAN AKTA SECARA MENYELURUH TERHADAP PERTUBUHAN BERDAFTAR

## PROGRAM 2.1

### PENDAKWAAN KE ATAS PERTUBUHAN YANG MELANGGAR AKTA PERTUBUHAN 1966

Menyediakan kertas siasatan yang lengkap bagi memastikan pendakwaan boleh dijalankan dengan lancar.

**KPI**

35 Kertas Pendakwaan
2021- 7 Kertas Pendakwaan
2022- 7 Kertas Pendakwaan
2023- 7 Kertas Pendakwaan
2024- 7 Kertas Pendakwaan
2025- 7 Kertas Pendakwaan

**OUTPUT**

Jumlah kertas siasatan pendakwaan dibuka dan dirujuk ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya

**OUTCOME**

Kertas siasatan pendakwaan berkurangan berikutan pematuhan terhadap Akta Pertubuhan 1966

**IMPAK**

Peningkatan pematuhan terhadap Akta Pertubuhan 1966 dan perlembagaan oleh pertubuhan

## AKTIVITI

Membuka kertas siasatan pendakwaan terhadap pertubuhan yang melanggar Akta Pertubuhan 1966

# STRATEGI 3

## MEMANTAPKAN PROSES SEMAKAN TERHADAP PERTUBUHAN BERISIKO

Kolaborasi bersepadu bersama institusi kewangan dan agensi lain yang berkaitan dalam pemantauan dan pemeriksaan kewangan.




### PROGRAM 3.1

***RISK ASSESSMENT AMLATFPUAA 2001 (ANTI MONEY-LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FUND, PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES ACT) 2001***

Seiring dengan dasar keselamatan serantau amnya dan negara khasnya *Risk Assessment* ini adalah penting dalam memastikan persatuan patuh kepada AMLATFPUAA 2001 dalam pengurusan kewangan mereka terutamanya bagi membantutkan perkembangan entiti yang berisiko di dalam dan luar negara.

# KPI

**2021-2025**

**80% Pertubuhan yang berisiko di bawah kategori kebajikan, keagamaan, dan rekreasi.**

**OUTPUT**

Pemantapan kewangan pertubuhan yang lebih telus

**OUTCOME**

Pengurangan jumlah pertubuhan yang terlibat dengan AMLATFPUAA

**IMPAK**

Keselamatan dan keamanan negara terjamin

## AKTIVITI

Penglibatan Jabatan di dalam program SCONPO

# STRATEGI 4

## MEMPERKASA PENGURUSAN SIASATAN

Menambah baik prosedur siasatan bagi menghasilkan kertas siasatan yang komprehensif bagi tujuan pendakwaan.

**TERAS STRATEGIK**



MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN

**STRATEGI**



MEMPERKASA PENGURUSAN SIASATAN

### PROGRAM 4.1

### PEMERKASAAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SIASATAN : GENIUS

Memantapkan SOP Siasatan sedia ada bagi menghasilkan siasatan yang berkualiti.

**2021-2022**

**Satu SOP siasatan lengkap dibangunkan**

**KPI**

**OUTPUT** ››› SOP Siasatan yang lengkap

**OUTCOME** ››› Penyediaan Kertas Siasatan yang lengkap bagi tujuan pendakwaan.

**IMPAK** ››› Kertas Siasatan yang berkualiti

## AKTIVITI ›››

- Lawatan penanda aras ke agensi yang berkaitan seperti PDRM
- Bengkel penambahbaikan SOP siasatan dan pendakwaan.

## PROGRAM 4.2

### PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN DOKUMEN SIASATAN

Proses pengurusan dokumen siasatan dengan lebih sistematik.

**KPI**

**2021-2025**
**80% pengurusan dokumen pertubuhan berdaftar yang diperiksa adalah teratur dan lengkap**

| OUTPUT | OUTCOME | IMPAK |
|---|---|---|
| Peningkatan kepatuhan pertubuhan terhadap pengurusan dokumen | Pemantapan tadbir urus dokumen dalam pertubuhan | Pengurusan dokumen pertubuhan yang lebih sistematik dan teratur |

## AKTIVITI

**Melakukan pemeriksaan berjadual ke atas pertubuhan berdaftar.**

# STRATEGI 5
## MEMANTAPKAN KOLABORASI DENGAN AGENSI DALAM NEGARA

Kerjasama antara agensi akan dapat memberikan hasil yang lebih baik selaras dengan *Sustainable Development Goals (SDG)* yang ke 16.

**TERAS STRATEGIK**

MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN

**STRATEGI**

MEMANTAPKAN KOLABORASI DENGAN AGENSI DALAM NEGARA

### PROGRAM 5.1
### KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA PDRM/ SPRM/ JIM / JPN

Kolaborasi strategik adalah penting bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan bidang kuasa yang sama.

**2021-2025**

**25**

**program bersepadu dilaksanakan**

**KPI**

| | |
|---|---|
| **OUTPUT** | Operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan |
| **OUTCOME** | i. Tindakan penguatkuasaan yang komprehensif.<br>ii. Kawal selia dan tindakan dari segi semua aspek |
| **IMPAK** | i. Peningkatan kesedaran masyarakat tentang tindakan agensi penguatkuasaan kerajaan.<br>ii. Persepsi masyarakat yang lebih positif. |

## AKTIVITI

- Mewujudkan sesi libat urus
- Mewujudkan sekretariat secara bersama.
- Mengadakan perjumpaan dalam mesyuarat bagi membincangkan isu-isu bersama.

## PROGRAM 5.2

### KERJASAMA PINTAR BERSAMA SSM/LHDN/ BANK NEGARA/ PDRM/ SPRM/ JIM / JPN

Kerjasama pintar bersama agensi adalah penting bagi memastikan penyampaian dan perkongsian maklumat boleh dicapai dengan lebih efektif.

**KPI**

**2025**
**LHDN dan BANK NEGARA**

**2022**
**SSM**

**2023-2025**
**AGENSI LAIN**

**OUTPUT**

Meningkatkan kerjasama pintar dan kepakaran pegawai.

**OUTCOME**

Perkongsian maklumat secara optimum.

**IMPAK**

Membanteras aktiviti jenayah dan meningkatkan hasil negara.

**AKTIVITI**

- Program smart partnership.
- Persidangan strategik kebangsaan bersama agensi terlibat.

# PROGRAM 5.3

## SURUHANJAYA PERTUBUHAN DAN PERANAN *REGULATOR*

Satu jawatankuasa akan dilantik untuk meneliti semula dan merangka strategi kebolehlaksanaan penubuhan Suruhanjaya Pertubuhan dan peranan *regulator.*

**PENYEDIAAN LAPORAN KEBOLEHLAKSANAAN**

**KPI**

**OUTPUT**

Satu Laporan Kajian Kebolehlaksanaan

**OUTCOME**

Kawal selia bagi mengurangkan risiko terhadap pelanggaran peruntukan Akta 335 oleh pertubuhan berdaftar

**IMPAK**

Suruhanjaya bergerak secara telus, jelas dan teratur.

**AKTIVITI**

- Mesyuarat
- Meneliti dan menyediakan input
- Pelantikan jawatankuasa
- Menetapkan terma rujukan

# STRATEGI 6

## MEMPERKASA HUBUNGAN DENGAN AGENSI PENGUATKUASAAN

Bekerjasama rapat dengan agensi penguatkuasaan dalam memastikan maklumat dapat disalurkan dengan tepat dan berkesan.

**TERAS STRATEGIK**

MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN

**STRATEGI**

MEMPERKASA HUBUNGAN DENGAN AGENSI PENGUATKUASAAN

### PROGRAM 6.1

***Sinergi ROS (SyncROS)***

Mewujudkan Pegawai Perhubungan (LO) antara JPPM dan PDRM di setiap JPPM Negeri.

**2022**
**Mewujudkan Pegawai Perhubungan (LO) PDRM**

**KPI**

Kolaborasi antara agensi penguatkuasaan

**OUTPUT**

Perkongsian maklumat dan kepakaran PDRM tempatan diwujudkan.

**OUTCOME**

Hubungan baik antara dua (2) agensi dalam aspek Penguatkuasaan dan Keselamatan

**IMPAK**

## AKTIVITI ❯❯❯

Melantik seorang Pegawai Perhubungan (LO) di setiap JPPM Negeri.

# STRATEGI 7

## MEMANTAPKAN PENGURUSAN DAN KAWALAN PERTUBUHAN BERDAFTAR

**TERAS STRATEGIK**

MEMPERKUKUHKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN

**STRATEGI**

MEMANTAPKAN PENGURUSAN DAN KAWALAN PERTUBUHAN BERDAFTAR

## PROGRAM 7.1

### *PENSIJILAN SEMULA PERTUBUHAN BERDAFTAR (ROS-Cert)*

Pensijilan semula pertubuhan berdaftar berdasarkan penilaian terhadap aspek tadbir urus pertubuhan bagi memastikan pengurusan pertubuhan selaras dengan perlembagaan dan Akta 335

**KPI**

**2021**
**Penetapan kriteria pensijilan semula**

**2022-2025**
**Pelaksanaan Pensijilan**

Pensijilan yang telah diluluskan.

**OUTPUT**

Pertubuhan berdaftar yang berwibawa dan berkualiti

**OUTCOME**

Tadbir urus pertubuhan berdaftar yang lebih teratur dan komprehensif

**IMPAK**

## AKTIVITI

- Menubuhkan jawatankuasa penilaian
- Penetapan kriteria-kriteria penilaian
- Pemakluman kepada pertubuhan berdaftar





JPPM
KDN

PDRM
IMIGRESEN


“Success is not final, failure is not fatal, it is the courage to continue that counts.”
[Winston Churchill]







# TERAS 2

## Memperkasakan Pertubuhan dan Komuniti

# TERAS 2

## MEMPERKASAKAN PERTUBUHAN DAN KOMUNITI

**2 STRATEGI**

**11 PROGRAM**

Dalam usaha menjadi sebuah negara bangsa yang maju, peranan dan sumbangan pertubuhan adalah signifikan. Pertubuhan sebagai *Third Executive Arm* bersama-sama sektor kerajaan dan swasta bagi menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat merupakan suatu aspek yang penting.

***SOCIETY EMPOWERMENT***

**MEMPERKASAKAN PENGURUSAN PERTUBUHAN**

# STRATEGI 1

## *SOCIETY EMPOWERMENT*

Sebagai satu perancangan utama ke arah pemerkasaan pertubuhan, inisiatif *Society Empowerment* diwujudkan bagi menggalakkan pertubuhan meningkatkan keupayaan mereka dalam menjalankan fungsi dan peranan kepada pembangunan negara bangsa. Sesi-sesi libat urus dan program galakan harus dirangka di samping penggunaan platform *MySociety* supaya pemerkasaan pertubuhan dapat dicapai.

| TERAS STRATEGIK | STRATEGI |
|---|---|
| MEMPERKASAKAN PERTUBUHAN DAN KOMUNITI | *SOCIETY EMPOWERMENT* |

### PROGRAM 1.1

### SINERGI PERTUBUHAN MAMPAN

Persidangan dan perhimpunan yang merupakan platform kepada pertubuhan berdaftar untuk mengadakan jaringan kerjasama antara pertubuhan dan mengeluarkan resolusi bagi isu-isu semasa.

**KPI**

**Dua tahun sekali mulai tahun 2021**

## OUTPUT

- Jaringan Kerjasama antara Pertubuhan
- Resolusi Persidangan

## OUTCOME

Pertubuhan berdaftar yang dapat membantu kerajaan menangani isu-isu semasa.

## IMPAK

Pertubuhan di Malaysia yang dinamik, responsif kepada isu semasa dan diperkasakan demi pembangunan negara.

## AKTIVITI

- Himpunan Sinergi Pertubuhan Kebangsaan (HiPER)
- Persidangan Pemerkasaan Pertubuhan Nasional(NASEC)

## PROGRAM 1.2

### JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA AGENSI DALAM NEGARA (KERAJAAN / SWASTA) DAN LUAR NEGARA

Meningkatkan kerjasama strategik antara agensi dalam negara seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain bagi memastikan info seperti maklumat kewangan dapat dikongsi bersama.

## KPI

**Empat Program setahun mulai tahun 2021**

| OUTPUT | OUTCOME | IMPAK |
|---|---|---|
| Program jaringan antara agensi dilaksanakan secara berterusan (4 program setahun) | Penyelarasan maklumat yang lebih sistematik | Kawal selia terhadap pengurusan pertubuhan berdaftar dengan lebih teratur |

## AKTIVITI

- Melaksanakan pemantauan aktiviti pertubuhan melalui Jawatankuasa yang dibentuk
- Kerjasama dengan agensi dalam dan luar negara

## PROGRAM 1.3

## *MYSOCIETY (SELF-AUDITING)*

MySociety adalah mekanisme untuk pertubuhan membuat semakan kendiri terhadap tadbir urus pertubuhan selaras dengan perlembagaan pertubuhan dan Akta 335.

**2021-2025 Dilaksanakan Secara Berfasa**

**KPI**

| | |
|---|---|
| **OUTPUT** | Meningkatkan pemahaman mengenai pengurusan pertubuhan |
| **OUTCOME** | Pertubuhan berdaftar yang lebih memahami tadbir urus |
| **IMPAK** | Pematuhan terhadap perlembagaan pertubuhan dan Akta 335 |

## AKTIVITI

- *Self-Assessment*
- Kajian semula platform *MySociety*
- *Menyebarluas dan menggalakkan MySociety dalam kalangan pertubuhan*

## PROGRAM 1.4

### *SHARING INTERNATIONAL EXPRIENCE OF SOCIETY (RoSIEOS)*

Program perkongsian antara pertubuhan berkaitan tadbir urus, kepakaran, pengalaman ke arah pertubuhan cemerlang yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

**KPI**

**Dua tahun sekali mulai tahun 2021**

**OUTPUT**

Program perkongsian antara pertubuhan berdaftar

**OUTCOME**

Pertubuhan berdaftar yang memberi inspirasi kepada pertubuhan berdaftar lain

**IMPAK**

Pengurusan pertubuhan berdaftar yang mencapai piawaian antarabangsa

## AKTIVITI

- Lawatan
- Perbincangan
- Pertukaran maklumat

## PROGRAM 1.5

## PERKONGSIAN PINTAR

Perkongsian pintar ini adalah selaras dengan matlamat *Sustainable Development Goals (SDGs)* dalam memperkasakan pertubuhan berdaftar.

**Sekali setahun mulai tahun 2021**

**KPI**

**OUTPUT**

Program dengan kerjasama agensi kerajaan

**OUTCOME**

Kompetensi pegawai dipertingkatkan

**IMPAK**

Penyampaian perkhidmatan yang lebih baik

## AKTIVITI

- Perkongsian pintar bersama JKM
- Perkongsian pintar bersama PDRM

## PROGRAM 1.6

## *YOUNG GENERATION (YG)*

Program pendedahan kepada pelajar-pelajar untuk memahami faedah berpersatuan dalam pengurusan pertubuhan untuk kesinambungan dan kelangsungan pertubuhan berdaftar sedia ada.

**KPI**

**Bermula 2021 Secara Berterusan**

**OUTPUT**

Dua program *'young leaders'* dalam tempoh 3 tahun

**IMPAK**

Sumbangan pemimpin muda diiktiraf

**OUTCOME**

Mewujudkan pemimpin dan pelapis dalam pertubuhan berdaftar

## AKTIVITI

- Kolaborasi bersama universiti dan sekolah
- Mengadakan taklimat

## STRATEGI 2
# MEMANTAPKAN PENGURUSAN PERTUBUHAN

Dalam usaha untuk memperkasakan pertubuhan berdaftar, JPPM menyediakan medium untuk pertubuhan mempelajari aspek tadbir urus pertubuhan yang baik dan berkualiti




## PROGRAM 2.1
## PEMURNIAN KOD ETIKA TADBIR URUS PERTUBUHAN

Kecekapan dalam pentadbiran sesebuah pertubuhan adalah bergantung kepada tadbir urus yang baik. Jadi, pertubuhan ini akan menjadikan kod etika sebagai teras bagi membawa pertubuhan masing-masing ke peringkat yang lebih tinggi.

**6 Kali Setahun Bermula 2021**

**KPI**

| OUTPUT | OUTCOME | IMPAK |
|---|---|---|
| 6 kali kursus / bengkel dilakukan bagi pemurnian kod etika tadbir urus pertubuhan | Satu set kriteria mengenai kod etika tadbir urus pertubuhan diwujudkan | Mewujudkan pertubuhan yang bertanggungjawab, telus dan berintegriti |

## AKTIVITI

- Bengkel
- Dialog
- Seminar
- Persidangan RO

## PROGRAM 2.2
### *SOCIAL ENTERPRISE*

Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pertubuhan agar dapat menjana pendapatan untuk pengoperasian bagi mencapai matlamat pertubuhan tanpa bergantung kepada geran / bajet / peruntukan / sumbangan oleh kerajaan dan pihak-pihak lain (syarikat, individu dan lain-lain).

**KPI**

Setiap negeri mulai tahun 2021

| OUTPUT | OUTCOME | IMPAK |
|---|---|---|
| Program *social enterprise* dilaksanakan di setiap negeri | Pertubuhan berdaftar yang maju dan berdaya saing | Peningkatan taraf hidup rakyat melalui aktiviti pertubuhan berdaftar |

## AKTIVITI

- Program Kemajuan Potensi (KPOP)
- Berkolaborasi bersama agensi-agensi keusahawanan

## PROGRAM 2.3

### *#ROS_CARE* JPPM

Program ini dapat meningkatkan keberkesanan dalam memperkasa pertubuhan ke arah pembangunan dan kesejahteraan masyarakat serta memantapkan imej organisasi.

**KPI**

Bermula Tahun 2021 secara Berterusan oleh setiap negeri

| | |
|---|---|
